

# Buat pilihan yang betul — PM

Oleh ROZAID RAHMAN  
dan YAHYA AHMAD

JITRA 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pengundi supaya membuat pilihan yang betul ketika memilih kerajaan pada pilihanraya umum akan datang bagi menjamin kesinambungan kemakmuran yang mereka nikmati sekarang.

Bagaimanapun beliau meminta rakyat supaya jangan terlalu ghairah bercakap mengenai pilihanraya sekarang, sebaliknya menumpukan perhatian kepada kerja dan usaha membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata, rakyat sentiasa diberi peluang pada setiap kali pilihanraya untuk memilih kerajaan yang mampu menadbir negara dengan baik dan membela masa depan mereka. **[Lagi berita dan gambar di muka 2]**

Katanya, kemajuan yang dicapai rakyat pada masa ini adalah hasil keputusan tepat mereka memilih parti yang mampu membentuk kerajaan yang baik dalam setiap pilihanraya umum.

Menurut beliau, Barisan Nasional (BN) sudahpun membuktikan

kemampuannya memenuhi impian rakyat untuk mengecapi kehidupan yang sentiasa berubah ke arah kemajuan melalui program pembangunan berterusan.

“BN juga berjaya mengekalkan hubungan baik dengan rakyat dan dapat mengatasi masalah mereka. Ini hasil daripada keputusan bijak rakyat memilih kerajaan yang baik,” tegas beliau.

Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen kawasan Kubang Pasu berkata demikian pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di kawasan pilihanrayanya itu di Sekolah

Menengah Hosba, dekat sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat serta pemimpin parti komponen BN.

Dr. Mahathir menegaskan, hubungan baik antara kerajaan BN dan rakyat tidak berakhir sebaik selepas pilihanraya diadakan, sehinggalah diadakan pilihanraya sekali lagi lima tahun kemudian.

■ Lihat muka 2

# Buat pilihan yang betul — PM

“Hubungan ini berterusan dan berkekalan bukan setakat pada masa pilihanraya, tetapi juga pada setiap masa...Ini berbeza dengan hubungan rakyat dengan pemimpin kerajaan di negara lain,” katanya.

Menurutnya, kerajaan BN yang diberi kepercayaan oleh rakyat pada setiap kali pilihanraya diadakan juga berjaya mewujudkan sistem pentadbiran dan dasar yang tidak menjejaskan hubungan antara kaum.

“Sistem pentadbiran dan dasar-dasar kerajaan berjaya mewujudkan keharmonian antara rakyat

pelbagai kaum sehingga ia berupaya meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara.

“Di Amerika umpamanya, rakyat berkulit hitam atau Hispanic tidak mendapat layanan yang sama dengan kulit putih dari segi pekerjaan dan perkongsian ekonomi walaupun Amerika mengamalkan sistem demokrasi dan ekonomi bebas,” katanya.

Sedangkan di Malaysia, katanya, golongan berada di kalangan bumiputera semakin ramai dan hari ini jika kutipan derma diadakan yang menderma sehingga RM1 juta terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama.